Kepada Anggota-anggota Ikhwan

Saudara-saudara,

Dalam keluaran yang lalu kami telah membentangkan kepada kekuasaan Allah subḥānahu wa Ta'ālā dan kebesaran kerajaan-Nya serta kelimpahan dan kerahiman-Nya yang menghendaki supaya tiap-tiap manusia tunduk menyembah kepada-Nya.

Kami bentangkan ini kepada saudara-saudara sekalian ialah kerana memandang tidak sempurna iman, tidak akan tetap pendirian, melainkan saudara-saudara mempunyai keyakinan tauhid, mempunyai kepercayaan yang tetap yang tidak berganjak untuk membebaskan daripada segala pengaruh dan anasir dan tidak akan dapat disatukan dihimpunkan melainkan saudara-saudara sendiri, tiap-tiap seorang ada di dalam jiwanya, kepercayaan dan keyakinan tidak berbelah bagi atau mudah tercebur kepada sesuatu yang hanya menyenangkan hati tetapi membahayakan kehidupan dan kedudukan kemudiannya.

Untuk meyakinkan itulah kami bawakan tamsil-tamsil yang nyata dan dapat dilihat dengan mata, dapat difikirkan dengan fikiran yang semudah-mudahnya, jika saudara-saudara mahu berfikir.

Pandanglah sejenak ke atas: langit di malam yang sunyi dan tenang, yang dipenuhi oleh tompokan-tompokan awan yang hilang-hilang timbul, kadang-kadang berkumpul dan satu seketika bercerai-berai pula. Perhatikanlah dan pandanglah beribu-ribu bintang besar dan kecil yang gemerlapan seolah-olah menjadi perhiasan yang telah ditentukan sejak dari purbakala.

LihatlahL gunung-gunung yang tinggi, rendah, mengkagum dan mendahsyatkan, terkadang-kadang menimbulkan takut dan ngeri, kemudian setelah perhatikan benda-benda itu fikirkan dengan fikiran yang tenang bahawa bukankah semuanya itu menyimpan tanda-tanda kebesaran, kekuasaan dan kebijaksanaan Allāh subḥānahu wa Taʿālā Tuhan yang Maha Esa dan Tuhan yang Maha Berkuasa yang menentukan segala-galanya itu? Di dalam al-Quran Ia telah menyuruh manusia berfikir dengan fikiran yang tenang sebagaimana firman-Nya (maksudnya): "Tidakkah mereka memerhatikan unta, bagaimana ia dijadikan; dan langit bagaimana ia ditinggikan, dan gunung bagaimana ia ditegakkan; dan bumi bagaimana ia dibentangkan? Semuanya itu, saudara-saudara ikhwan, menghendaki supaya difikir dan diperhatikan, kemudian dengan fikiran-fikiran yang dibulatkan sudah tentulah saduara-saudara dapat mengetahui kebesaran-Nya dan dapat mengetahui kelemahan saudara sebagai seorang makhluk; dan dengan semuanya itu dapatlah meyakinkan, dapatlah menguatkan kepercayaan sehingga saudara-saudara tidak akan berbelah bagi menyerahkan diri, jiwa raga dan segala-galanya kepada kekuasaan Ilahi yang menjadikan dan mengawal segala sesuatu di atas diri kita.

Begitulah sifat-sifat Tuhan yang Maha Kuasa, Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui. Tuhan yang mempunyai sifat-sifat yang demikian telah menyuruh kita menyembah, beribadat dan tunduk menyerahkan diri semata-mata kepada-Nya bukan kepada yang berupa batu atau kayu, tanah atau air, api atau cahaya atau yang dibuat dan diukir oleh manusia ataupun kuburan ataupun orang yang sudah mati ataupun benda-benda yang dipertuhankan dengan pendapat: bahawa jika tidak kerana benda itu kita tidak akan hidup dan seumpamanya.

Kalaulah sekiranya di sebalik penyembahan kepada Allah itu agama Islam membenarkan pemeluknya menyembah dan beribadat kepada benda-benda yang tersebut itu nescaya Nabi Muhammad (SAW) dan sahabat-sahabatnya tidak akan menghancurkan sehancur-hancurnya akan berhala-berhala yang digantungkan orang di sekeliling Kaabah

yang banyaknya beratus-ratus; dan sahabat-sahabat Nabi yang sebahagian besar, dahulunya menjadi penyembah berhala sudah tentu mereka tidak akan meninggalkan penyembahannya itu.

Pada waktu ini, saudara-saudara anggota Ikhwan, sudah sepatutnyalah kaum Muslimin meninggalkan penyembahan kepada benda-benda tersebut atau menjadikan benda-benda itu perantaraan kita dengan Allah, terutamanya penyembahan dan perantaraan kepada kuburan dan orang mati yang sudah hancur anggotanya dimakan tanah. Mudah-mudahan kita tidak akan melakukan perbuatan-perbuatan yang seperti itu dan dijauhkan dari segala itu semuanya. Sangat besar dosanya bagi orang yang mengadakan sekutu bagi Allah dan Allah tidak akan mengampunkan dosanya sebelum ia meninggalkannya. Kenyataan ini dibenarkan oleh firman Allah yang maksudnya: "Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan yang Ia disekutukan, tetapi Ia akan mengampuni selain daripada itu bagi siapa yang Ia kehendaki; dan barangsiapa yang menyengutukan Allah maka sesungguhnya ia telah membuat sesuatu dosa yang terang dan nyata." al-Nisā' ayat 49.

Saudara-saudara tidak akan menjadi tentera Allah, tidak akan menjadi orang-orang yang berbakti kepada Allah, tidak akan mempunyai pendirian yang tetap kalau tidak di dalam dada ditanamkan pokok Islam yang penting iaitu jiwa tauhid, jiwa mengesakan Allah subḥānahu wa Taᶜālā. Tanamlah jiwa tauhid di dalam dada saudara-saudara. Islam berkembang dan dikembangkan oleh Junjungan kita Muhammad (SAW) tidak lain melainkan dengan menanam jiwa tauhid ke dalam dada sahabat-sahabat beliau sehingga dengan jiwa tauhid itu mereka tidak gentar, tidak takut, tidak tunduk selain kepada Allah Subḥānahu wa Taᶜālā – tidak ada tawar menawar kepada mereka, tida ada berlemah lembut kepada mereka, tidak akan termakan pujuk dan mereka telah mengorbankan segala-galanya kepada Allah dengan keyakinan dan kepercayaan bahawa hidup dan mati segala sesuatu yang ada padanya hanya kerana Allah subḥānahu wa Taᶜālā

Saudara-saudara anggota Ikhwan, kalau tauhid kita kepada Allah rosak maka janganlah diharap segala urusan-urusan yang lain yang ada di tangan akan dapat disempurnakan. Rosaknya tauhid kepada Allah adalah disebabkan banyaknya benda-benda yang kita sembah. Kalau banyak yang kita sembah maka banyak pula yang kita takuti dan kalau banyak pula yang kita takuti nescaya hilanglah keberanian kita untuk beramal, untuk berbakti, untuk berjihad pada jalan Allah. Dan kalau keberanian beramal, berbakti dan berjihad pada jalan Allah sudah tidak ada lagi pada diri kita, maka sudah barang tentu anggota-anggota Ikhwan, janganlah mimpikan bahawa kita akan mendapat keselamatan dunia dan akhirat.

Kalau kita hendak mendapat bahagia, bebaskanlah rohani kita daripada pengaruh-pengaruh lahir dan batin, hapuskanlah semua ketundukan jiwa dari segala apa jua pun dan perhubungkanlah jiwa yang bebas dan murni itu langsung kepada Tuhan yang Maha Kuasa Allāh subḥānahu wa ta'ālā. Inilah sendi yang penting di dalam kita mencari kebahagiaan hidup. Kalau di dalam hidup sehari-hari takut besok tidak makan, takut sebulan yang akan datang kepayahan, takut ini dan itu, diselubungi oleh berbagai-bagai takut maka jiwa kepercayaan, jiwa ketauhidan, jiwa berserah kepada Allah akan binasa dan kita akan tertinggal dan ditinggalkan oleh keadaan dan zaman, ditinggalkan oleh keberanian jiwa yang suci yang tunduk hanya semata-mata kepada Allah.

Apakah saudara-saudara akan suka menjadi suatu golongan yang hanya mengasaskan hidup kepada kebendaan, mengasaskan hidup kepada kemahuan dan ajakan nafsu, akan menjadi orang yang tidak mempercayai kepada anggota dan kekuatan diri sendiri yang diberi

oleh Tuhan kekuasaan dan bertenaga untuk berikhtiar sebagaimana juga orang lain boleh berikhtiar? Untuk itu semua menghendaki supaya saudara menjadi hamba atau makhluk yang beribadat kepada Allah menjunjung dan menjalankan suruhan-Nya dan menjauhkan segala tegahan-Nya. Beribadat itu perkataannya sudah tidak asing lagi kepada kita kaum Muslimin. Sebahagian mereka ada yang menyembah Allah dan takut akan seksa-Nya. Inilah satu daripada tiga pecahan erti ibadat yang diberi ulasannya oleh ulama'-ulama'. Segolongan yang beribadat kepada Allah kerana takut akan seksaan maka golongan inilah yang dikatakan oleh baginda Ali sebagai penyembahan seorang hamba. Penyembahan seorang hamba itu tidak taat dan berbakti kepada Tuannya melainkan kerana takut akan kemurkaan dan takut akan seksaan dan azab-Nya.

Menurut pendapat Saidina Ali sebahagian lagi ada yang menyembah Allah kerana mengharapkan balasan pahala daripada-Nya. Golongan ini, kata beliau, sebanding seperti penyembahan seorang saudagar sebab saudagar itu tidak akan berkhidmat dan taat menurutkan kehendak pembeli melainkan kerana mengharapkan keuntungan daripadanya.

Sebahagian lagi, ada yang menyembah Allah kerana berterima kasih dan mengucapkan syukur kepada nikmat dan kurnia yang telah dilimpahkan-Nya ke atas dirinya. Golongan ini, kata beliau, adalah sebagai penyembahan orang yang merdeka. Orang yang merdeka itu mengerjakan sesuatu amal bukannya kerana takut akan seksaan atau kerana berharap kepada balasan tetapi sebab ia mengetahui akan kewajipannya menjadi manusia.

Sudah nyata, ketiga-tiga perbandingan yang tersebut di atas adalah buah fikiran dan pendapat baginda Ali dan ia bukannya suatu ketetapan yang ditentukan oleh agama. Sepanjang keterangan agama kita disuruh takut akan seksaan Tuhan yang sangat pedih, kita diperintahkan berharapa pahala daripada-Nya, dan kita disuruh mengucapkan syukur dan berterima kasih atas kurnia dan nikmat yang telah dilimpahkannya ke atas diri kita. Maka dengan yang demikian, saudara-saudara anggota Ikhwan, kita menghimpunkan semua tingkatannya itu.

Beribadat kepada Allah ialah mengerjakan perintah-perintah-Nya sehabis kuasa dan dayanya dan meninggalkan semua tegahan-Nya dengan tidak berkecuali lagi. semuanya hendaklah dikerjakan dengan tulus ikhlas semata-mata, bukan kerana ada suruhan, bukan kerana ada ancaman atau harapan dari manusia sebagaimana firman-Nya yang maksudnya:

"Manusia tidak diperintah melainkan beribadat kepada Allah dengan tulus ikhlas – beribadat kerana-Nya".

Terang apa yang telah kami sebutkan di dalam dua rencana semenjak dari keluaran yang lalu sehingga rencana ini adalah menunjukkan bahawa kita tidak dibenarkan menyembah selain kepada-Nya dan tiap-tiap penyembahan itu hendaklah dilakukan dengan tulus ikhlas sebagai menunaikan kewajipan sebagai seorang manusia. Kalau saudara-saudara mentaati dan tidak menyembah selain kepada-Nya dan telah meyakinkan bahawa segala suatu adalah di dalam kekuasaan dan iradat-Nya maka sudah terang hati dan jiwa saudara-saudara tidak akan diganjak oleh sesuatu daripada meyakinkan-NYa dan dengan keyakinan itu akan diharap menjadi orang yang tidak akan gentar menghadapi apa jua pun di dalam dunia ini serta pandang segala sesuatu kejadian, sesuatu perkara yang pedih, yang buruk, yang pahit, yang maung itu sebagai satu percubaan, sebagai satu ujian. Kerana tiap-tiap kehidupan, orang-orang yang beriman itu tidak akan sempurna imannya melainkan datang percubaan dan daripada percubaan itulah dapat dikenal dan diketahui adakah telah kuat atau tidak keimanan itu.

Sambungannya pada muka 40.

kerana tiap-tiap sesuatu mesti menempati ruangan; apabila Tuhan lebih dahulu ada sebelum ada ruangan, maka dengan sendirinya kita bertanya: di mana bertakhta Tuhan, jika belum ada tempat bagi-Nya? Akan tetapi apabila maha ruangan lebih dahulu ada, maka timbul pertanyaan: Siapakah yang mengadakan maha ruangan ini selain daripada Tuhan?

Kalaulah maha ruangan dan Tuhan pada satu ketika bersama-sama ada sebagai keadaan yang terbatas, kemudian melebarkan ruangan itu sampai tak terbatas, maka sangkaan demikian, juga tidak mungkin, kerana telah ditetapkan, bahawa tiap-tiap ruangan yang terbatas mestinya mempunyai batas-batas lain ruangan; dan ruangan yang lain ini: siapa yang mengadakan? Lain dari itu sangkaan itu memaksa kita menganggap, bahawa Tuhan pada permulaan-Nya terbatas dan oleh itu berbentuk; pun ini tidak mungkin, lain daripada menurut kepercayaan dari semua agama besar menentukan bahawa Tuhan tidak mempunyai awal dan akhir, baik di dalam waktu mau pun di dalam tempat, tidak mempunyai bentuk dan rupa dan sebagainya, juga menurut mantik dan pandangan tabii kita akan jatuh kembali di dalam menungan, kemudian pertanyaan: siapakah yang mengadakan ruangan yang memberi tempat bagi ruangan serta Tuhan yang terbatas tadi?

Di dalam maha ruangan kedapatan semua ciptaan Tuhan.

Ciptaaan Tuhan yang masih masuk lingkungan manusia, dan oleh kerana itu masih dapat disaksikan oleh manusia, akan tetapi baginya merupakan sesuatu yang terbesar, ialah semesta alam.

[Demikian khulasah huraian Dr Priyana tentang "Tuhan yang Maha Esa" menurut ahli falsafah Timur dan Barat yang kita petik dari majalah "Hikmah" Jakarta. Masalah ini dapat difahamkan engan lebih jelas di dalam makalah yang kedua yang akan kita sajikan dalam bilangan Qalam keluaran yang akan datang – P.Q.].

KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA IKHWAN

Sambungan dari muka 37

Saudara-saudara anggota Ikhwan, sebab itulah apabila menghadapi sesuatu kesulitan, bertenanglah dan serahkan perkara itu kepada kebijaksanaan Allah dan serahkanlah takdirnya kepada kekuasaan Allah janganlah kita bersakit-sakit fikiran. Kita diwajibkan berikhtiar dan berdaya upaya menjauhkan segala sesuatu itu sedangkan kesan dan kesudahannya bukanlah daripada kekuasaan kita.

Ingatlah! Bagaimana Nabi-nabi dan Rasul-rasul yang telah lalu yang telah diriwayatkan penderitaan dan penanggungan mereka itu menghadapi segala percubaan hidup yang didatangkan oleh Allāh *subḥānahu wa Taᶜālā* untuk menguji keimanan dan ketabahan hati mereka. Tidak sunyi percubaan itu meliputi pula keadaan hidup Junjungan kita Muhammad (SAW) oleh itu jika ada sesuatu percubaan yang menimpa diri saudara-saudara maka ingatlah dan perbandingkanlah berapa besar penderitaan itu jika dibandingkan dengan penderitaan-penderitaan yang ditanggung oleh nabi-nabi yang dahulu-dahulu, orang-orang salih, dan ulama-ulama yang mempertahankan keyakinan dan kepercayaannya.

Dalam keluaran yang akan datang akan kami sambung lagi rencana ini mengikut aliran ayatnya.

Sudah terbit! Cetak kedua!

Bilal

Tukang Bang Rasulullah

Riwayat hidupnya yang lengkap dari kecil hingga wafatnya dalam usia 70 tahun.

Senaskhah $1.00 post 10 sen.

Pintalah kepada penerbitnya, Qalam, Singapura.